

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah jumlah KR1M di seluruh negara. Apakah jumlah sasaran Kementerian menjelang tahun 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak 162 buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah beroperasi di seluruh Negara di 141 kawasan Parlimen. Kerajaan tidak menetapkan sasaran jumlah KR1M perlu dibangunkan sehingga 2020. Walau bagaimanapun, sasaran Kerajaan adalah untuk membangunkan sekurang-kurangnya sebuah KR1M bagi setiap kawasan Parlimen.